

## BAB 6

### PENUTUP

#### 6.1 Rumusan Dan Perbincangan

Daripada analisis statistik yang telah diperoleh daripada 71 orang responden, rumusan berikut boleh dibuat.

Kesemua golongan minoriti kajian ini menggunakan media massa. Majoriti mereka mempunyai profil atau sifat seperti berikut: orang dewasa yang berusia 21 tahun ke atas, lelaki, mempunyai taraf pendidikan pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), berbangsa Melayu, bujang, tidak bekerja, tidak mempunyai pendapatan bulanan dan jika ada wang saku bulanan, jumlahnya adalah kurang daripada RM500.

Jumlah wang yang digunakan oleh golongan minoriti tersebut adalah amat kurang kerana lebih daripada separuh golongan tersebut tidak membeli media massa, dan antara mereka yang membeli media massa, paling ramai yang menggunakan wang kurang daripada RM50 untuk membelinya dalam masa sebulan. Jumlah masa yang digunakan oleh majoriti golongan minoriti untuk menggunakan media massa adalah kurang daripada empat jam sehari tetapi majoriti mereka menggunakannya setiap hari.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa golongan minoriti menggunakan pelbagai jenis media massa iaitu buku Braille, buku audio, buku yang dicetak, majalah Braille, majalah audio, majalah yang dicetak, akhbar audio, akhbar yang dicetak, filem dalam bentuk VCD, filem, televisyen, Internet, rekod dan radio. Setiap media massa mempunyai kekuatan dan kekurangannya. Walau bagaimanapun, media massa yang paling kerap digunakan oleh mereka ialah radio.

Selain itu, terdapat golongan minoriti yang paling kerap menggunakan media massa di rumah, pejabat, asrama, atau rumah kawan dan mereka paling kerap menggunakannya pada waktu pagi, petang atau malam. Walau bagaimanapun, majoriti mereka paling kerap menggunakan media massa di rumah masing-masing dan menggunakannya pada waktu malam.

Golongan minoriti menggunakan media massa untuk pelbagai tujuan. Tujuan-tujuan tersebut adalah mendapat maklumat dan hiburan, merehatkan diri, melepaskan tekanan dan kesedihan, meredakan kemarahan, menghilangkan kesunyian dan kebosanan, mendapatkan teman, membina hubungan yang lebih baik dan berkomunikasi dengan orang lain, memberi maklumat kepada orang lain, menukarkan mod, memenangi pertandingan, melarikan diri daripada masalah, mengasingkan diri daripada orang lain, mengisi masa, menyenangkan diri, sebagai hobi, memenuhi minat sendiri, mendapat ilmu, pengajaran, motivasi dan maklumat yang lebih jelas, tepat serta mendalam, membuat persediaan, menambahkan kesedihan, memenuhi rasa ingin tahu, mendengar iklan, menyelesaikan masalah, menidurkan diri, mempelajari sesuatu dan telah biasa untuk menggunakan media massa. Walau bagaimanapun, paling ramai golongan minoriti menggunakan media massa untuk mendapat maklumat.

Majoriti golongan minoriti suka menggunakan media massa dan media massa yang paling disukai oleh majoriti mereka ialah radio. Radio merupakan *constant companion* bagi ramai golongan cacat penglihatan dan ia membawa berita, hiburan, dan perasaan untuk berhubung dengan dunia luar (Bauman & Hayes, 1951:19). Semua golongan cacat penglihatan menghadapi masalah untuk berhubung dengan isu semasa dan dalam aspek ini, radio memainkan peranan yang tidak ternilai (Dobree & Boulter, 1982:120). Selain itu,

radio tidak berkonflik dengan media massa lain (Graham *et al*, 1968:89) dan ia memberitahu masa kepada penggunanya dengan amat kerap berbanding media massa lain, seperti yang dinyatakan oleh Moores (1993):

*Radio helped to bring precise temporal measurement into the private sphere. It was engaged in what could best be described as a "domestication" of standard national time.*

Walaupun semua golongan minoriti tersebut menggunakan media massa, penggunaan tersebut mempunyai masalah-masalah tertentu. Masalah-masalah tersebut ialah masalah kewangan, masalah media massa dan kandungannya adalah terhad atau ketinggalan, masalah bahasa dan kesuntukan masa, masalah teknologi dan hak cipta, masalah untuk mendapat pembaca, masalah kekurangan keupayaan atau kemahiran untuk menggunakan media massa, pembacaan kandungan media massa oleh pihak lain adalah terlalu pantas atau tidak jelas, masalah pemahaman kandungan media, kesukaran untuk mendapat guru atau pelatih untuk mengajar cara penggunaan media massa, masalah pemilihan kandungan media massa dan masalah pemahaman kandungan media massa yang diakses oleh saudara mara. Untuk mengatasi masalah penggunaan media massa yang sedia wujud, golongan minoriti mencadangkan langkah-langkah mereka. Langkah-langkah tersebut termasuk menambahkan media massa khas untuk golongan minoriti, mengurangkan harga media massa tersebut, menambahkan sukarelawan untuk membaca buku yang dicetak, memberi bantuan kepada golongan minoriti, mengajar mereka cara untuk menggunakan media massa, menambahkan maklumat media massa, dan golongan minoriti diminta untuk mendapat bantuan daripada pihak lain.

Selain itu, bagi golongan minoriti, media massa memainkan pelbagai peranan seperti pendidik, pemberi maklumat, penghibur, rakan, posman, penyebar, teman,

pengkritik, pembina semangat, penggalak, pembina keharmonian, artis, penemuramah, pemberi hadiah, penasihat, penunjuk cara, perangsang, penyedar, orang yang mewujudkan perpaduan, pencetus idea dan pencipta.

Jelasnya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa media massa memainkan pelbagai peranan dan golongan minoriti menggunakan media massa untuk pelbagai tujuan. Selepas menggunakan media massa, majoriti mereka berasa puas hati dan media massa adalah amat penting bagi mereka.

## 6.2 Kesimpulan

Terdapat banyak kajian tentang penggunaan media massa di kalangan masyarakat umum, tetapi kajian tersebut di kalangan golongan minoriti, secara umumnya, dan golongan cacat penglihatan, secara khususnya, adalah amat terhad. Dengan menjalankan kajian ini, pengkaji telah berusaha untuk melihat penggunaan media massa bagi golongan minoriti iaitu golongan cacat penglihatan. Pendekatan penggunaan dan kepuasan yang digunakan dalam kajian ini menunjukkan bahawa pengguna menggunakan media massa berdasarkan tujuan mereka yang tertentu dan penggunaan tersebut memberi kepuasan kepada pengguna. Berdasarkan pendekatan tersebut, pengkaji telah melihat penggunaan media massa golongan minoriti, secara umumnya, dan golongan cacat penglihatan, secara khususnya, dari segi tujuan penggunaan media massa dan tahap kepuasan mereka selepas menggunakan media massa.

Setiap media massa yang digunakan oleh golongan minoriti adalah mengikut tujuan mereka dan kepuasan mereka adalah berbeza selepas mereka menggunakannya. Walau bagaimanapun, harus ditekankan di sini bahawa tidak wujud persaingan antara pelbagai

media yang digunakan untuk menyebar maklumat kepada golongan cacat penglihatan (Clark, 1984: 29). Oleh itu, di dunia komunikasi, khasnya di Malaysia, tidak wujud satu keadaan yang jelas menunjukkan bahawa pihak yang menawarkan media massa dan kandungannya adalah berhasrat untuk menarik perhatian golongan tersebut dengan teknologi atau bahan-bahan yang dijual oleh mereka.

Tambahan pula, nilai komersial yang tidak tinggi bagi media massa dan kandungan media untuk golongan cacat penglihatan, tidak menggalakkan pihak pengusaha untuk mencipta teknologi baru atau menyediakan teks media yang khas untuk golongan tersebut. Permintaan yang tidak tinggi menyebabkan harga media massa tersebut adalah lebih tinggi berbanding media massa untuk masyarakat umum. Selain itu, seperti yang ditunjukkan oleh hasil kajian ini, faktor ekonomi menghadkan pembelian media massa golongan cacat penglihatan: bagi mereka yang bekerja, pendapatan bulanan mereka tidak tinggi; bagi mereka yang mempunyai wang saku bulanan, wang tersebut tidak banyak; dan sesetengah golongan cacat penglihatan berpendapat bahawa mereka tidak mempunyai minat atau keperluan untuk membeli media massa kerana mereka boleh mendapatkan daripada pihak lain seperti perpustakaan dan pertubuhan tertentu.

Wujud satu lagi keadaan di mana terdapat masalah bagi penghasilan media massa khas untuk golongan cacat penglihatan, seperti buku Braille dan buku audio. Permintaan buku audio bertambah tetapi permintaan buku Braille menurun setiap tahun. Usaha untuk menghasilkan buku audio bertambah berbanding buku Braille. Hasil kajian The Library of Congress di Amerika Syarikat telah menunjukkan bahawa di negara maju, penghasilan buku audio bertambah dengan kadar 20% setahun (Clark, 1984:61 dan 87). Keadaan ini menunjukkan bahawa permintaan dan penghasilan media massa khas tersebut tidak

mempunyai suasana yang sihat atau menggalakkan. Penambahan penghasilan sejenis media massa khas tidak menggalakkan atau membawa kepada peningkatan penghasilan media yang lain.

Penghasilan bahan Braille juga mempunyai masalahnya yang tersendiri. Bahan Braille adalah *bulky*, dan saiznya adalah lebih besar berbanding buku untuk masyarakat umum. Ruang tambahan perlu diambil kira untuk mengumpul, menjilid dan menyimpan bahan tersebut (Clark, 1984:63). Buku Braille adalah terhad dan penerbitannya mengambil masa yang lebih panjang (Gaudreau, 1967:129). Braille telah mewarisi kekurangannya sebagai kod yang sukar dan lambat, walaupun ia adalah tidak ternilai bagi mereka yang mahir menggunakan (Graham *et al*, 1968:98).

Selain itu, terdapat pendidik yang biasa mengadu bahawa golongan cacat penglihatan yang telah meninggalkan sekolah tidak meneruskan pembacaan Braille mereka (Cutsforth, 1972:211). Mereka yang menjadi cacat penglihatan selepas tamat sekolah rendah biasanya menghadapi masalah untuk mempelajari Braille kerana kepekaan jari mereka berkurangan apabila umur mereka meningkat (Wong, 1991:189). Kesemua faktor ini akan menambahkan kesulitan untuk menggalakkan pembacaan bahan Braille.

Keadaan bertambah sulit kerana hasil kajian ini jelas menunjukkan bahawa golongan minoriti, khususnya golongan cacat penglihatan, paling kerap dan paling suka menggunakan media massa yang juga digunakan oleh majoriti masyarakat umum, iaitu radio dan televisyen. Penggunaan tersebut tidak menggalakkan pihak tertentu, khasnya organisasi media dan pengusaha media agar terus berusaha untuk menawarkan media

massa khas untuk golongan tersebut, atau teknologi dan kandungan media massa yang mengambil kira kepentingan mereka.

Penggunaan radio dan televisyen tersebut juga menunjukkan satu keadaan yang membimbangkan kerana biasanya, media massa tersebut tidak memberi perbincangan yang mendalam atau kritikal tentang sesuatu perkara. Pengkritik telah menunjukkan bahawa penyiar media massa sebenarnya respon kepada pengiklan, dan bukan hasrat masyarakat umum (Ettema & Whitney, 1994:21). Thomson (1970:22) pula menyatakan bahawa jika pembangunan negara memerlukan lebih banyak pemikiran, analisis, dan *exposition*, buku mesti memainkan peranannya (Mus Chairil, 2001:9).

Buku, dan bukan radio, televisyen atau cara komunikasi lain yang perlu memainkan peranan dominannya. Buku dilihat sebagai usaha intelektual yang merangsangkan dan membentuk pemikiran pembaca (Mus Chairil, 2001:9). Oleh itu, penggunaan radio dan televisyen tersebut kurang menggalakkan pemikiran kritis golongan minoriti yang sebenarnya amat penting untuk membaiki keadaan atau kedudukan mereka.

Untuk membaiki keadaan yang sedia ada, golongan tersebut perlu menambahkan penggunaan buku (buku Braille, buku audio dan buku yang dicetak) dan bukan hanya memberi tumpuan kepada radio dan televisyen. Pengusaha boleh menambahkan bilangan buku khas, membaiki kandungan atau kualiti buku atau mengurangkan harga buku untuk golongan tersebut. Pihak sukarelawan boleh menambahkan usaha untuk membacakan buku atau merakamkan buku untuk golongan tersebut. Stesen radio atau televisyen boleh menambahkan program untuk membincang dan membaca buku atau membincang sesuatu isu dengan lebih mendalam.

Oleh itu, masalah penggunaan media massa dan cadangan untuk mengatasi masalah tersebut, yang ditunjukkan dalam kajian ini, boleh dijadikan asas kepada pihak berkenaan, khasnya pihak yang prihatin dengan kepentingan golongan minoriti, khususnya golongan cacat penglihatan, supaya menggalakkan semua pihak yang berkenaan untuk menambahkan media massa dan kandungan media massa yang mengambil kira kepentingan dan masa depan golongan cacat penglihatan.

Kerajaan dan pertubuhan, khasnya pertubuhan untuk golongan minoriti boleh menambahkan usaha untuk menyediakan lebih banyak media massa dan perpustakaan yang khas untuk golongan tersebut, yang dapat memenuhi keperluan lebih ramai penggunanya. Kerajaan perlu memainkan peranan yang lebih aktif kerana kementeriannya terlibat dalam isu tersebut. Sebagai contoh, Kementerian Pendidikan Malaysia bertanggungjawab untuk membekalkan semua buku teks yang relevan kepada pelajar. Walau bagaimanapun, bukan semua buku yang digunakan oleh pelajar pada suatu tahun dibekalkan pada waktu yang ditentukan (Fatimah, 1992:34).

Selain itu, perpustakaan yang merupakan penawar maklumat kepada golongan istimewa secara amnya, tidak berkelengkapan untuk melakukannya (Velleman, 1979:213). Oleh itu, falsafah pemilihan buku yang disediakan oleh Helen E. Haines, boleh dijadikan garis panduan (Strom, 1977:111):

*Library service is not only the provision of books, it is the bringing of the right book to the right reader. Any kind of library service that is designated to bring together people and books..., must be based on intelligent book selection. Librarians must know how to choose wisely books that are the expression of human life and thought, that offer the materials of knowledge, that satisfy or stimulate individual development, that enlarge and clarify mass intelligence.*

Walau bagaimanapun, buku di perpustakaan bagi pertubuhan untuk golongan cacat penglihatan seperti MAB, menurut penolong pentadbir perpustakaannya, biasanya dipilih daripada buku cerita dan kebanyakan buku tersebut adalah dermaan pihak lain seperti Dewan Bahasa dan Pustaka atau penerbit swasta tertentu. Penambahan buku Braille dibuat setiap bulan tetapi ia terhad kepada tiga hingga lima tajuk sebulan.

Bersabit dengan pemilihan buku untuk golongan minoriti, khususnya golongan cacat penglihatan, 1956 St. John Surveys menyatakan bahawa (Strom, 1977:148):

*There is a serious lack in both talking book and Braille titles in both scholarly and technical material. The selection policy has been to select the book that would appear to attract the largest number of readers rather than to try to build a well-rounded collection which could be used for information as well as for recreational purposes...It is conceivable that many of the blind population do not use the libraries because they cannot find in them material they need.*

Tambahan pula, perpustakaan sekolah, pakar media, biasanya tidak mempunyai latar belakang untuk memesan bahan dan membangunkan program untuk golongan istimewa (Velleman, 1979:273). Oleh itu, pihak berkenaan perlu peka dengan keadaan tersebut agar keperluan golongan istimewa dipenuhi.

Selain itu, pendidikan komunikasi, khasnya di negara kita, perlu mengambil kira kepentingan pihak golongan minoriti seperti menambahkan kursus khas yang mengkaji penggunaan media massa bagi golongan tersebut agar mereka yang bakal bekerja dalam dunia komunikasi atau para penyelidik menjadi lebih peka dengan keperluan dan masalah golongan tersebut, dan seterusnya menghasilkan teknologi atau bahan media yang bukan sahaja mengambil kira kepentingan golongan majoriti, tetapi juga golongan minoriti.

Pendidikan untuk golongan minoriti juga penting untuk menambahkan pendedahan mereka kepada kesemua jenis media massa yang ada di pasaran. Pendidikan tersebut adalah perlu untuk menyedarkan golongan minoriti tentang hak mereka untuk mendapat segala akses media massa seperti masyarakat umum. Golongan cacat penglihatan tidak harus distereotaip oleh diri mereka atau masyarakat umum kerana keperluan mereka untuk mengakses media massa merupakan keperluan masyarakat kita.

Kekayaan dalam maklumat dapat menolong golongan minoriti (golongan istimewa atau golongan cacat penglihatan, secara khususnya) untuk menyelesaikan banyak masalah mereka (Velleman, 1979:213). Akses kepada semua media massa membolehkan mereka membaiki kedudukan mereka dengan mendapat lebih banyak peluang pekerjaan, dan seterusnya memperoleh pendapatan tertentu. Salah satu masalah yang bersabit dengan pekerjaan mereka ialah mereka tidak dapat memperoleh faedah sepenuhnya daripada bahan bacaan atau alat visual yang memberi maklumat mengenai pekerjaan lain untuk mereka (Aminah, 1999:226), dan oleh itu, jenis pekerjaan golongan tersebut adalah terhad bukan kerana kekurangan golongan tersebut tetapi pendedahan mereka kepada maklumat tentang peluang pekerjaan yang ada adalah terhad.

Selain itu, maklumat ialah dapatan bagi penghasilan ilmu, tetapi masyarakat mengeliru antara kekurangan maklumat dengan kekurangan ilmu. Dengan itu, terdapat pihak tertentu yang memikirkan bahawa golongan cacat penglihatan yang mempunyai maklumat semasa yang kurang sebagai manusia yang bodoh (Carroll, 1961:53). Keadaan ini menambahkan stereotaip masyarakat atas golongan tersebut.

Oleh itu, media memberi manusia satu cara untuk menguatkan diri sendiri (Lor Chandara, 2001:9). Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi serta aliran maklumat harus sentiasa bertujuan untuk menambahkan kekayaan, termasuk pengurangan kemiskinan, ketidakadilan, dan membaiki taraf hidup masyarakat (Mengko, 2001:2). Dengan itu, golongan minoriti harus mendapat segala akses media massa dan menggunakan agar keperluan mereka dipenuhi, dan yang lebih penting, kedudukan mereka dibaiki serta kepentingan dan masa depan mereka terjamin.

### **6.3 Cadangan Untuk Kajian Masa Depan**

Untuk masa depan, kajian yang lebih terperinci boleh dilakukan. Kajian-kajian tersebut termasuk:

- i. Kajian tentang hubungan antara tujuan penggunaan media massa golongan minoriti, secara umumnya, dan golongan cacat penglihatan, secara khususnya, dengan tahap kepuasan dan darjah keaktifan mereka. Hasil kajian ini membolehkan para penyelidik memahami faktor-faktor yang menyebabkan golongan tersebut berasa puas hati selepas menggunakan media massa dan melibatkan diri secara aktif dalam proses komunikasi tersebut.
- ii. Kajian tentang hubungan ciri-ciri demografik dan darjah kecacatan golongan minoriti, khususnya golongan cacat penglihatan dengan penggunaan media massa mereka. Hasil kajian tersebut membolehkan para penyelidik mengetahui keperluan dan kepentingan golongan tersebut yang berlainan dalam penggunaan media massa.
- iii. Kajian tentang pemilihan jenis dan kandungan media massa oleh golongan minoriti, secara umumnya, dan golongan cacat penglihatan, secara khususnya, mengikut sebab-sebab tertentu. Hasil kajian ini membolehkan pihak tertentu, khasnya organisasi media, mengetahui jenis dan kandungan media massa yang dapat

memenuhi atau tidak memenuhi keperluan golongan tersebut, dan seterusnya membaiki jenis dan kandungan media massa yang sedia ada.

- iv. Kajian tentang perbezaan antara penggunaan media massa bagi golongan majoriti dan minoriti. Hasil kajian tersebut membolehkan para penyelidik atau pengusaha mengetahui kedudukan media massa tertentu bagi kedua-dua golongan tersebut dan seterusnya, menghasilkan media massa dan kandungannya yang dapat memenuhi keperluan kedua-dua golongan tersebut.